

BAB VII

LANGKAH PELBAGAIKAN PENDAPATAN PETANI DIBAWAH PBLS

A. PENGENALAN

Disamping memberi tumpuan terhadap peningkatan produktiviti dan keluaran hasil sama ada dari tanaman padi atau/dan tanaman kekal, projek turut menggalakan aktiviti-aktiviti sampingan bagi menambahkan pendapatan keluarga tani. Justeru itu dalam bab ini penelitian akan dibuat terhadap kegiatan penternakan dan aktiviti sampingan lain.

B. Binatang Ternakan


Perusahaan penternakan memang sesuai bagi kaum petani sebab ianya boleh dilaksanakan pada tahap yang bersesuaian dengan kemampuan petani sendiri. Tujuan pemeliharaan binatang oleh petani kini sudah berubah mengikut peredaran masa. Suatu ketika dulu, iaitu pada awal 60-an dan 70-an kebanyakannya¹ petani di kawasan ini menternak binatang untuk penggunaan dan pengeluaran.

Sejak penanaman padi 2 kali setahun dilaksanakan, petani mula mengurangkan binatang ternakan mereka. Kalau dahulunya 100 peratus(%) petani menternak tetapi kini hanya tinggal 70 peratus(%) petani yang terlibat dalam penternakan. Alasan yang diberi bukan kerana tidak mahu menternak tetapi oleh kerana kesempitan masa, masalah penjagaan (maintainance) dan kurang rumput.

1. Saifuddin Bin Hamid

Kajian Sosio Ekonomi Penanam-penanam Padi Dua kali setahun Dikawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) U. Malaya. m.s. 151.

Carta 7.1 Taraf Penternakan



Carta 7.1 menunjukkan taraf penternakan, samada penternakan dijalankan sepenuh masa atau sebagai kerja sampingan. Didapati seramai 81.4 peratus(%) petani menjalankan kegiatan penternakan sebagai kerja sampingan. Itu kebiasaan mereka terdiri dari pesawah dan pekebun tanah. Sedangkan 18.6 peratus(%) adalah penternak sepenuh masa, bermakna mereka tidak terlibat dalam kegiatan lain selain daripada penternakan.

Taraf Pemilikan

Dari penganalisaan yang dibuat di kawasan projek, didapati seramai 86 peratus(%) petani terlibat dalam kegiatan penternakan. Diantara mereka 8 petani menjalankan penternakan secara sepenuh masa manakala 35 petani menjalankan secara sampingan. Kira-kira 18% petani yang ditemui mengatakan mereka memiliki lembu, 18% petani lagi memiliki kambing biri-biri manakala sebilangan besar atau 34 peratus(%) petani memiliki ayam dan 8 peratus(%) petani pula memiliki itik dan ayam sedangkan terdapat 8 peratus(%) petani yang terlibat dalam penternakan lebah madu. Dari jadual 7.1 didapati secara puratanya bagi setiap 3 penternak sepenuh masa seorang petani memiliki 227 ekor lembu.

Jadual 7.1 Binatang Ternakan Dan Pengurusan Ternakan

Jenis Ternakan	Bilangan Petani	Sepenuh masa	Sepenuh masa	Sampingan Binatang	Purata Binatang	Sampingan Purata
	Sepenuh masa	Sampingan	Binatang	Purata	Binatang	Purata
1. Kambing	3	6	680	226.7	50	8.3
2. Kambing	2	7	40	20	38	5.4
3. Ayam	2	15	6000	2000	100	6.7
4. Itik	1	3	3500	3500	20	8.7
5. Lebah	-	4	-	-	56	14
	8	35	8200	5746	264	41.1

Sumber : Hasil Kajian

Manakala, purata jumlah kambing, biri-biri yang dimiliki adalah 20 ekor bagi seorang petani. Itik adalah tertinggi sekali di kawasan kajian iaitu 3500 ekor secara purata bagi setiap seorang petani. Sedangkan dari jadual turut diperlihatkan secara puratanya pemilikan ternakan oleh petani yang menjalankan aktiviti penternakan sebagai kerja sampingan. Apa yang jelas adalah, walaupun jumlah petani yang terlibat dalam kegiatan penternakan secara sampingan adalah tinggi tetapi purata ternakan yang dimiliki oleh setiap petani adalah rendah dibanding dengan penternak sepenuh masa.

D. Keperluan Modal Di Kalangan Petani

Kecekapan modal dalam melaksanakan sesuatu projek penternakan tidak dapat dinafikan. Modal perlu diurus dengan cekap dan sempurna. Walau berapa banyak modal dilabur tetapi tidak disertai dengan pengurusan yang cekap ianya tidak boleh memberi pulangan yang dikehendaki. Modal boleh diperolehi dari simpanan, bantuan, pinjaman atau perkongsian. Jadual 7.2 menunjukkan sumber perolehan modal oleh penternak.

Jadual 7.2 Sumber Modal Penternak

Sumber	Bilangan	Peratus (%)
Bank Pertanian	-	-
Simpanan Sendiri	26	60.5
Hutang	2	4.7
Bantuan JH	15	34.8
Jumlah	43	100

Sumber : Hasil Penyelidikan

Jadual 7.2 menunjukkan tidak ada penternak yang berjaya memperolehi pinjaman kewangan dari Bank Pertanian. Dari temu bual dengan petani, ramai yang mengatakan mereka gagal mendapat pinjaman, ianya terjelas dalam salah sebuah akhbar tempatan.

" Dasar Pinjaman Bank Pertanian Tak seimbang, Penarikan pinjaman itu amat menghampaskan sekali kerana tidak ada alasan yang munasabah dibuat oleh pengawai pinjaman "²

Sebanyak 60.5 peratus(%) petani menggunakan wang simpanannya sebagai sumber modal asas manakala cuma 4.7 peratus(%) petani yang mendapatkan sumber kewangan dari hutang dengan kawan-kawan. Selebihnya iaitu 34.8 peratus(%) petani memperolehi binatang ternakan dari Jabatan Haiwan secara sistem pawah.

Foto 12 : Pusat Tenusu Jeram



Program Penternakan Tenusu

Perasmian PBLS pada tahun 1978 telah mempergiatkan penternakan tenusu di kalangan petani. Dalam program yangkaian pusat-pusat pengumpulan susu (PPS) telah dilakukand di Sabak Bernam dan Jeram. Dikawasann kajian ini 2 petani terlibat dalam usaha penternakan tenusu.

Dissamping mengumpul susu keluaran penternak PPS juga dilantu penternak dengan bekalkan makanan ternakan, lembutan, urusan kredit, bekalan input, pemasaran susu, akaun dan urusan kewangan³

Peranan Jabatan perkhidmatan Haiwan (JPH) turut tidak negalan dalam program ini. Dimana ia tawarkan Kursus-kursus seperti kursus Pemerah Susu dan Kursus Tenusu Rasial kepada penternak.

Menurut seorang penternak, Encik Shamsul Kamal berumur 50 tahun, dalam tinjauannya beliau berkata untung bersih bagi seekor lembu tenua yang diurus dengan sempurna adalah sebanyak \$40.00 sebulan. Dengan 10 ekor lembu pendapatan bulanan dianggarkan berjumlah \$400.00. Oleh itu kerajaan menggalakan penternak menjadi penternak komersial supaya selaras dengan Dasar Pertanian Negara (DPN).


E. Program Penternakan Lembu Daging

"Fidlot" ialah menternak lembu daging secara perkurung dengan memberi makanan yang bermutu serta air secukupnya untuk membesar dan mengemukkan lembu dalam masa yang singkat.

Menurut penternak, pada kebiasaananya seekor lembu akan mencapai berat antara 330 kg-350 kg dalam masa tidak lebih dari 6 bulan. Jenis-jenis lembu kacukan yang biasa dipelihara adalah kacukan Brahman atau Austrian Commercial Cross (ACC) dan Friesian Sahiwal. Peranan Jabatan Haiwan adalah menyelaras urusan jual beli dan menyediakan perkhidmatan kesihatan ternakan. Ada penternak yang mengatakan penternakan daging lembu tidak begitu menguntungkan kerana ia memerlukan kawalan rapi dan kos input yang tinggi. Kemasukan daging dari luar turut menjejaskan harga pasaran, seperti mana yang terdapat dalam Rancangan Malaysia ke-enam

"Kemasukan daging lembu import yang murah dari India melalui perjanjian perdagangan telah menghadkan keluaran daging Malaysia yang berharga lebih tinggi.⁴

Rajah 7.2 Taburan Pusat-pusat Pengumpulan Susu



Sumber : Ibu Pejabat PBLS

0 CM 1 2 3 4 5 6 7 8 9 10 11 12 13 14 15

UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY

MICROFILM

51 101 140 181 220 110 100 96 88 80 70 60 50 40 30 20 10 0 MM 10

6. Program Penternakan Kambing Dan Biri-biri

Bersetujuan dengan DPN, keutamaan telah diberikan kepada pemeliharaan secara komersial. Dari survey didapati 10 peratus(%) penternak terlibat dalam kegiatan perternakan kambing dan biri-biri. Menurut mereka pulangan yang berpatutan diperolehi dengan memelihara sekurang-kurangnya 10 ekor biri-biri/kambing. Matlamat ini boleh dicapai jika kadar kelahiran adalah 15 peratus(%) setahun dan kematian tidak melebihi 5 peratus(%) setahun.

Penternak-penternak biasanya digalakan oleh PBLS untuk memohon mendapatkan latihan setempat anjuran Jabatan Haiwan, Krusus ini biasanya melibatkan 1-2 hari.

7. Perusahaan Menternak Ayam-Itik

Perusahaan menternak ayam/itik daging dan telur merupakan satu bidang perusahaan meluas diceburi oleh mereka yang terlibat dalam PBLS. Dari kajian, seramai 39.5 peratus(%) petani terlibat dalam penternakan. Dari jumlah tersebut 88 peratus(%) menternak ayam/itik secara sambilan di belakang rumah dan 12 peratus(%) menternak secara komersial dengan memelihara lebih dari 3000 ekor ayam itik dalam satu ladang.

Menurut Encik Ramasamy, 59 tahun, "perkembangan perusahaan ayam/itik adalah hasil daripada ayam/itik baka baik yang dimport dari luar". Disamping itu pembukaan kilang-kilang makanan secara besar-besaran dan pengawalan penyakit ternakan oleh Jabatan Haiwan telah berjaya meningkatkan pendapatan penternak.

Pendapatan Hasil (Sebulan)

1. a) Sejumlah 3500 ayam daging(purata barat 3 kati seekor)
Harga pasaran ladang \$1.80 sekati hidup

b) Pendapatan kasar seorang penternak
 $3500 \times 3 \times 1.80 = \18900

2. Pendapatan bersih penternak

a) Pendapatan bersih (Tidak termasuk kos nilai upah)
= \$18 900 - \$3550 (kos pengeluaran)
= \$15 350

b) Pendapatan bersih (Termasuk kos nilai upah)
= \$15350 - \$6000
= \$9350

3. Pendapatan bulanan berdasarkan pengeluaran 12 kali setahun. $\$9350/12 = \779.17 sebulan.

Data-data diatas menunjukkan dengan memelihara 3500 ekor ayam secara purata boleh dapat kira-kira \$780 sebulan.

1. Projek Berkelompok Pemeliharaan Lebah Madu


Memandangkan bahawa perusahaan pemeliharaan lebah madu mempunyai potensi yang baik pada masa depan, PBLS telah menggalakan penglibatan petani secara besar-besaran. Kajian ini telah dijalankan diprojek berkelompok Kg. Sungai Gulang-Gulang, Kuala Selangor.

Dari kutipan sampel didapati 4 orang petani terlibat dalam perusahaan ini secara perseorangan dengan 40 koloni lebah madu. Menurut Encik Hashim N. Kasmon, 49 tahun, kejayaan pemeliharaan lebah madu bergantung pada beberapa faktor persekitaran seperti sumber makanan lebah, kawasan penempatan haif-haif lebah madu, sumber-sumber air dan gangguan binatang-binatang lain.

2. Analisa Kewangan

Rumusan prestasi kewangan ternakan lebah madu menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang nyata antara bilangan haif dengan pendapatan bersih. Misalnya dari rajah 7.3 walaupun petani pertama mempunyai bilangan haif paling banyak iaitu 37 koloni tetapi petani keempat memperolehi pendapatan bersih yang paling tinggi. Ini kerana peserta-peserta projek ini tidak hanya tertumpu kepada menjual madu tetapi juga kepada menjual koloni lebah madu.

Rajah 7.3 Bilangan Koloni Dan Pendapatan



Rajah 7.3 menunjukkan petani keempat menerima pendapatan bersih yang tinggi walaupun bilangan koloni yang dimilikinya adalah secara relatif lebih rendah dari petani pertama dan kedua. Secara puratanya seorang petani menerima pendapatan \$243 dari Oktober - Disember dan \$378.00 dari Januari - Jun (1990).

Foto 13 Gelodak Untuk Menangkap Lebah




Foto 14 Petani Bersama Peti Lebah



Sumbangan Sektor Penternakan Di Malaysia

Dalam tempoh RML jumlah nilai tambah bagi sektor ternakan telah meningkat pada kadar 6.1 peratus(%) setahun ia jelas dari jadual 7.3. Pengeluaran daging kambing meningkat pada kadar 1.9 peratus(%). Begitu juga dengan daging lembu. Pegeluaran daging ayam itik telah meningkat pada kadar 7.9 peratus(%) setahun kepada 368.000 tan metrik pada tahun 1990, sementara pengeluaran telur meningkat pada kadar 10.0 peratus(%) setahun kepada 4700 juta biji pada tahun 1990. Pengeluaran susu juga telah meningkat kepada 34 juta liter, iaitu pertambahan pada kadar 7.4 peratus(%) setahun. Jadual 7.4 jelas membayangkan perkembangan sektor penternakan Malaysia.

Jadual : 7.3 PENGELUARAN KOMODITI PENTERNAKAN ('000 TAN METRIK)



Perkara	1985	1986	1987	1988	1989	1990	1995	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%)		
								RM5	RM6	Matiamat Pencapaian
Ternakan										
Daging Lembu	17	16	16	18	18	18	21	t.d	1.9	3.2
Daging Kambing	0.6	0.6	0.5	0.5	0.6	0.7	1	t.d	1.9	7.8
Daging Ayam-itik	251	279	310	335	344	368	560	t.d	7.9	8.8
Telur ¹	3,395	3,618	3,819	4,255	4,394	4,718	5,645	t.d	6.8	3.7
Daging Khinzir	164	162	181	192	202	211	287	t.d	5.1	6.3
Susu ²	24	27	28	29	31	34	68	t.d	7.4	14.8

Keterangan:

- ¹ Diukur dalam kiraan ribu meter padu
- ² Merujuk kepada Semenanjung Malaysia
- ³ Diukur dalam kiraan juta biji
- ⁴ Diukur dalam juta liter
- t.d Tidak diperolehi

PENGELUARAN KOMODITI PENTERNAKAN ('000 tan metrik)

('000 metrik)



- Daging Lembu
- Daging Kambing
- Daging Ayam/Itik
- Daging Khinzir
- Susu
- Telur

Sumber : Penyelidikan Dari RME. m.s. 9

Pembangunan In-situ Dan Manusia

Teras pembangunan in-situ bagi memajukan semula kampung-kampung dan kebun-kebun pertanian yang sedia ada melalui penyediaan infrastruktur dan kemudahan penanaman semula serta orientasi komersial. Komponen in-situ yang utama ialah Program Pembangunan Pertanian Bersepadu (PPPB).

Program in-situ yang utama dibawah projek Barat Laut Selangor adalah penanaman semula. Ianya melibatkan tanaman getah, kelapa sawit, koko dan kelapa, dimana petani-petani yang ingin menggantikan tanaman yang sedia ada dengan tanaman baru, kos penanaman semula akan ditanggung oleh institusi-institusi PBLS seperti RISDA, BANK PERTANIAN dan FELDA. Dikawasan kajian 16 peratus(%) petani terlibat dalam rancangan penanaman semula. Dari jumlah tersebut 30 peratus(%) telah menggantikan tanaman getah dengan kelapa sawit dan baik 70 peratus(%) menaman kelapa sawit sebagai penganti tanaman asal.

Jadual 7.4 menunjukkan peruntukan pembangunan bagi program pertanian, dalam RML. Jumlah peruntukan adalah \$595.8 juta dan jumlah ini telah meningkat sebanyak 51.9 peratus(%) dalam RME.

Sumber kajian menunjukkan petani-petani memberi sambutan yang baik terhadap projek-projek yang dilaksanakan dibawah PBLS. Pengurusan secara estet dan kelompok telah menjadi trend dibawah PBLS.

Jadual 7.4

**PERUNTUKAN PEMBANGUNAN BAGI PROGRAM PERTANIAN
DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR, 1986-95**
(\$ JUTA)

<i>Program</i>	<i>RM5</i>		<i>RM6</i>
	<i>Peruntukan</i>	<i>Perbelanjaan</i>	<i>Peruntukan</i>
Pembangunan In-situ	2,739.3	2,693.2	4,117.3
Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu	1,030.6	1,021.8	1,489.4
Pengairan dan Saliran	202.8	200.8	463.8
Tebatan Banjir Luar Bandar dan Kawalan Hakisan Pantai	82.6	77.2	847.8
Penanaman Semula	595.8	581.2	905.0
Pemulihian	828.0	812.7	962.8
Pembangunan Tanah dan Wilayah	2,801.4	2,774.6	2,383.3
Pembangunan Tanah Baru	2,129.7	2,117.5	1,815.5
Pembangunan Wilayah	671.7	657.1	1,064.5
Perhutanan	125.2	120.8	198.6
Perikanan	270.1	264.4	375.8
Perternakan	136.8	130.9	271.1
Khidmat Sokongan	1,028.8	1,011.8	1,081.0
Subsidi Input Padi	396.8	396.8	398.0
Kredit Pertanian, Penimprosesan dan Penimprosesan	597.5	586.1	540.9
Pengembangan dan Perkhidmatan-perkhidmatan Lain	34.4	28.9	142.1
Program-program Lain Kementerian Pertanian	325.5	329.3	591.9
Jumlah	7,427.0	7,325.0	9,019.0

Nota:

1 Peruntukan P & P akan diurus di bawah bantuan berasingan sebanyak \$600 juta di mana Sektor Pertanian diperuntukkan sebanyak \$273.8 juta.

Kedudukan pengurusan mini estet dan projek kelompok adalah seperti di jadual 7.5.

Jadual : 7.5 Sistem Pengurusan Tanaman Secara Mini Estet Sehingga Tahun 1990

Bil	Cara Pengurusan	Keluasan (ha)	Bil Petani Terlibat
1	Mini Estet Padi	8.27	11
2	Kelompok Padi	10.20	7
3	Kelompok Tanaman Kekal	6.23	5
4	Kelompok Sayur-sayuran	2.67	1
5	Penternakan Lebah madu	4	4
	Jumlah	31.37	28

Sumber : Hasil Kajian

Jadual diatas menunjukkan keluasan tinggi diliputi oleh Kelompok padi iaitu 10.20 hektar dan terendah kelompok sayur-sayuran iaitu 2.67 hektar; cuma seorang petani yang terlibat dalam tanaman sayuran berkelompok sedangkan 11 orang petani terlibat dalam mini estet padi.

Petani biasanya diberi berbagai-bagai latihan dalam menjalankan pengurusan pertanian. Latihan yang diberikan adalah seperti jadual 7.6. Dari jadual didapati petani lebih gemar mengikut lawatan sehari yang dibiasanya dikendalikan oleh pegawai-pegawai pentanian. Diikuti oleh penerangan khas, lawatan sambil belajar dan sebagainya.

Jadual 7.6 Aktiviti Latihan/Perkembangan Dalam Tahun
1990

Bil	Aktiviti	Bil Kursus	Bil Peserta
1	Penerangan Khas	51	20
2	Kursus Sehari	31	16
3	Lawatan Sehari	11	21
4	Lawatan Sambil Belajar	14	17
	Jumlah	107	74

Sumber : Kajian Penyelidikan


Foto 15 : Kursus Penerangan Khas Kepada Peserta Projek



16 : Lawatan Sambil Belajar Yang Dianjurkan Oleh PBLS



JM 1.5 : PERINGKAT-PERINGKAT PERTUBUHAN PELADANG DI MALAYSIA



Lembaga Pertubuhan (LPP) Peladang Kawasan Kuala Selangor
Dan Sabak Bernam

Matlamat LPP ialah untuk mewujudkan Pertubuhan-pertubuhan Peladang yang berdikari bagi menjadi sebuah pergerakan yang kuat kearah meninggikan taraf sosio-ekonomi ahli-ahli. Disamping itu LPP juga bertanggungjawab dalam memberi perkhidmatan kejenteraan ladang, menguruskan pemberian subsidi baja padi dan perundingan dalam perniagaan tani. Khidmat-khidmat ini disalurkan kepada petani-petani melalui pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan(PKK) dan susunan kumpulan tani.

Kawasan pengendalian Pertubuhan Peladang, bilangan ahli peladang dan jumlah saham yang dipegang oleh ahli ditunjukkan oleh jadual dibawah.

Jadual 7.7 Ahli Pertubuhan Peladang Mengikut Kawasan

Bil	Pertubuhan Peladang KWS(PPK)	Bilangan Ahli Peladang	Jumlah Saham \$(\\$)
1	PPK Kuala Selangor	1.490	46,592
2	PPK Tanjung Karang	3.627	190,316
3	PPK Pasir Panjang	2,538	62,028
4	PPK Sabak Bernam	3,921	197,418
5	PPK Sabak Bernam Utama	2,290	80,798
	PORJEK	13,886	577,153

Sumber : Laporan Tahunan 1989 PPK PBLS.

Jadual 7.7 menunjukkan dalam kawasan pengendalian PBLS terdapat 5 buah PPK yang menjalankan berbagai aktiviti yang berteraskan pertanian. Jumlah bilangan ahli peladang dibawah PBLS adalah 13,866 orang dengan jumlah sahamnya bernilai \$577,153.00. PPK, menawarkan perkhidmatan seperti pembekalkan bahan input pertanian, perkhidmatan kejenteraan, pemasaran tempatan dan menambahkan penglibatan petani-petani dalam aktiviti-aktiviti mini estet serta perniagaan tani.

Beberapa tugas yang dinyatakan diatas adalah selaras dengan kenyataan yang dibuat oleh Y.B Menteri Pertanian Malaysia sebagai :

" ----- Lembaga pertubuhan Peladang adalah dijadikan sebagai payung kepada semua petani-petani melalui Pertubuhan Peladang " 6

Dari kenyataan diatas, jelaslah peranan yang dimainkan oleh LPP secara kasarnya adalah untuk meninggikan taraf hidup petani.

Jadual 7.8 : Ke Ahlian Lembaga Pertubuhan Peladang

Perkara	Jumlah	%
Menjadi ahli LPP	24	48
Tidak menjadi ahli	17	34
Tak pernah dengar	9	18
Jumlah	50	100


Sumber : Kajian Penyelidikan

Jadual 7.8 menunjukkan seramai 48 peratus(%) menerima bantuan atau perkhidmatan dari LPP manakala 34 peratus(%) mengatakan mereka tidak ada sebarang hubungan dengan LPP, mereka terdiri dari penternak, pekebun kelapa/koko dan getah. Seramai 18 peratus(%) dari sampel mengatakan mereka tidak pernah mendengar perkataan LPP sebelumnya.

6. Kementerian Pertanian, Lembaga Pertubuhan Peladang, Risalah Am LPP bil 97, Ucapan Y.B Dato Abd. Manan Osman, Menteri Pertanian Malaysia.

Rajah 7.6

**Kedudukan Kumulatif Ahli Pertubuhan Peladang
Dan Modal Saham**



Sumber : Kajian Penyelidikan

Rajah 7.6 menunjukkan kedudukan kumulatif ahli Pertubuhan Peladang dan modal saham bagi kawasan projek. Modal saham yang dipegang oleh ahli Pertubuhan Peladang telah meningkat sebanyak 178 peratus(%) dari tahun 1986-89. Manakala bilangan pemegang saham yang meningkat dalam tempoh masa yang sama adalah berjumlah 98.4 peratus(%). Ini menggambarkan sambutan baik petani terhadap LPP.

Kesimpulan

Kesimpulannya petani-petani dikawasan kajian banyak mengalami faedah dari peranan yang dimainkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Pertubuhan Peladang, dan lain-lain komponen PBLS.